



PERNYATAAN DASAR KEMAMPANAN KORPORAT

Sejak diasaskan pada tahun 1946, Kelly telah menjiwai nilai kemampunan korporat, dan kita mengamalkan taraf kewargan korporat yang tertinggi. Budaya dan nilai kita bertunjangkan perkhidmatan, integriti, dan tanggungjawab terhadap tindakan, hasil tindakan, dan reputasi kita. Sebagai pembekal penyelesaian tenaga kerja sejagat yang terkemuka, kita menghubungkan modal insan dengan peluang pekerjaan dan mengubah komuniti di tempat tinggal dan tempat kerja kita. Memandangkan pekerja, klien, pembekal, dan rakan niaga kita meliputi seluruh dunia, kita maklum tentang capaian global perniagaan kita dan tanggungjawab kita kepada orang ramai.

Komitmen kemampunan korporat Kelly berpaksi sekitar enam perkara penting:

- **Pekerja & Manusia** – Kita amat menitikberatkan tanggungjawab melindungi, menyokong, dan melatih pekerja supaya berjaya dalam kerjaya masing-masing, di samping membela nasib mereka. Kita bertumpu pada usaha menyediakan peluang kerjaya dan sumber untuk tenaga kerja sejagat, sambil memimpin melalui teladan dari segi keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan di tempat kerja, kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman, serta latihan dan pembangunan. Kita membuka peluang kepada semua orang dan berjanji akan menyediakan peluang pekerjaan yang sama rata, melindungi hak asasi manusia, dan mencegah perdagangan manusia.
- **Etika** dan pengendalian perniagaan – Kelly akan bertindak dengan betul, bertingkah laku dengan cara yang mematuhi undang-undang, beretika dan beramanah, menunaikan kewajipan kita menurut peraturan, dan mematuhi dasar-dasar perniagaan kita mengikut maksudnya yang tersurat dan yang tersirat.
- **Penglibatan** – Kelly faham bahawa kita semua perlu bekerjasama supaya kita benar-benar dapat meninggalkan kesan. Oleh itu, kita berbanding bahu dengan organisasi-organisasi dalam komuniti di tempat tinggal dan tempat kerja kita untuk meninggikan taraf hidup manusia dan meningkatkan tahap kesejahteraan seluruh masyarakat. Kita juga ingin melibatkan diri dengan pembekal-pembekal tenaga kerja yang mengamalkan tataniaga yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dan yang mematuhi Tatakelakuan Pembekal Kelly.
- **Kesihatan, Keselamatan, dan Persekitaran** – Kelly menerima tanggungjawab kita bersama untuk melindungi bumi ini. Kita berusaha mencapai sifar kemalangan dan bahaya pekerjaan, dan kita berhasrat mewujudkan suasana kerja yang selamat. Kita akan mengurangkan kesan perniagaan kita terhadap persekitaran melalui usaha menanggung kesan ini dengan tepat, pendidikan, pemuliharaan, dan amalan mengurangkan sisa.
- **Rantai Bekalan dan Hubungan dengan Pelanggan** – Oleh sebab kita sebahagian daripada rantai nilai yang terdiri daripada beribu-ribu syarikat seluruh dunia, Kelly tahu betapa pentingnya kita menganjurkan dan menerapkan nilai-nilai korporat kita pada rantai bekalan kita. Atas sebab ini, kita menghargai hubungan kita dengan pelanggan dan pembekal, dan kita cuba mengeratkan hubungan dan mengukuhkan talian persaudaraan seumur hidup.
- **Komunikasi, Penilaian, dan Pelaporan** – Kelly, demi mendukung tanggungjawabnya terhadap tindakan dan reputasi dirinya, akan mengekalkan komunikasi dengan kumpulan-kumpulan kepentingannya. Kita maklum bahawa apabila kita menyampaikan dan melaporkan strategi dan prestasi syarikat, kita menunjukkan kejujuran dan ketelusan.

Sehimpunan dasar teras yang membimbing pendekatan dan aktiviti kita mendasari program kemampunan korporat ini.

- **Tataniaga dan Tataetika** – Tataniaga dan Tataetika Kelly menetapkan kaedah-kaedah yang dapat menghalang kelakuan yang tidak jujur atau tidak beretika, di samping memupuk budaya kejujuran dan tanggungjawab. Dasar ini menetapkan tanggungjawab pekerja kita, dan memastikan pembekal-pembekal kita sedar akan kewajipan bertingkah laku dengan cara yang beretika dan dibenarkan oleh undang-undang.
- Secara global, kita melayan semua pekerja dengan bermaruah dan hormat, dan kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan tenaga buruh. Yang berikut adalah beberapa contoh inisiatif yang telah kita ambil:
 - **Peluang Pekerjaan yang Sama Rata** – Kelly Services melindungi hak pekerjaan pemohon dan menepati syarat, tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, kehamilan, umur, agama, negara asal, sifat genetik, haluan seksual, identiti/penampilan jantina, ketidakupayaan, taraf veteran atau ketenteraan dan/atau kategori-kategori lain yang terlindung oleh undang-undang yang berkuat kuasa.
 - **Tindakan yang Disengajakan** – Kelly akan sengaja mengambil khidmat dan memajukan kerjaya golongan minoriti, wanita, orang kurang upaya, veteran yang kurang upaya, veteran yang baru sahaja bersara dan golongan veteran lain yang terlindung, yang berkecualan.
 - **Dasar Penyesuaian** – Kelly Services mengamalkan dasar mematuhi semua undang-undang yang memastikan bahawa peluang pekerjaan yang saksama disediakan untuk orang yang kurang upaya. Selaras dengan komitmen itu, Kelly mengamalkan dasar tidak mendiskriminasikan orang kurang upaya yang layak, berhubung dengan prosedur permohonan, pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, pemecatan, imbuhan, latihan, atau syarat dan keistimewaan pekerjaan yang lain.
 - **Dasar Larangan Mengganggu** – Kelly akan memelihara suasana kerja yang bebas daripada gangguan. Oleh itu, Kelly tidak akan membiarkan sahaja perbuatan mengganggu terhadap mahupun oleh pekerjanya.
 - **Dasar Sumber Manusia** – Menghormati hak asasi manusia ialah kewajipan sejagat kita dan membentuk bahagian penting visi, sahsiah dan nilai Kelly. Kita terikat oleh kewajipan mewujudkan keadaan kerja yang adil dan selamat untuk semua pekerja kita dan menyediakan peluang yang diperlukan untuk berkembang. Kita juga menghendaki rakan-rakan kongsi kita mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia yang selaras dengan prinsip-prinsip yang kita ikuti, terutamanya yang mungkin menjejaskan pekerja, calon jawatan dan pencari pekerjaan.

Kita masing-masing dan sama-sama bertanggungjawab mendukung komitmen kemampunan korporat kita. Kita galakkan penyertaan pekerja seluruh organisasi, dan kita akan berganding bahu dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk terus membela nasib tenaga kerja sejagat, menambah baik tempat kerja kita, menyumbang kepada komuniti yang menerima khidmat kita, dan memastikan kita bertindak secara bertanggungjawab dari segi sosial, etika, dan persekitaran.